

AKTIVITI 9

Ayah Ahmad menghantar Ahmad bercuti di kampung selama dua minggu. Ahmad kagum melihat anak kampung bermain wau. Dia sangat berminat untuk membuat wau. Dia bertuah kerana dia dapat belajar membuat wau daripada datuknya. Mereka memilih buluh yang sesuai, membentuk rangka wau dan menghias wau dengan kertas warna sebelum tali panjang diikat pada wau. Ahmad gembira kerana berjaya menghasilkan wau bulan yang cantik. Ahmad dan datuknya menerbangkan wau di halaman rumah. Permainan wau bukan sahaja membawa keseronokan kepada Ahmad tetapi juga berasa bangga akan permainan tradisional. Ahmad bertekad untuk memperkenalkan permainan wau kepada kawan-kawannya di sekolah agar permainan tradisional dapat diwarisi oleh generasi muda.

1. Berapakah lama Ahmad bercuti di kampung?

2. Siapakah yang mengajar Ahmad cara membuat wau?

3. Apakah jenis wau yang berjaya dihasilkan oleh Ahmad?

4. Apakah tindakan Ahmad apabila kembali ke sekolah?

5. Senaraikan bahan-bahan penting untuk membuat wau.

